

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, August 14, 2019 2:14 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PACE Terima 258 Pelajar Baharu Bagi Program PJJ 2019/2020



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

14 OGOS 2019 / 13 ZULHIJAH 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: PACE

PACE TERIMA 258 PELAJAR BAHARU BAGI PROGRAM PJJ 2019/2020



UUM ONLINE: Pusat Pendidikan Profesional Dan Lanjutan (PACE) telah menerima seramai 258 pelajar baharu Program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) bagi Semester Julai Sesi 2019/2020, baru-baru ini.

Pengarah PACE, Prof. Madya Dr. Halim Mad Lazim berkata, pendaftaran tersebut telah diadakan selama dua hari pada Julai lalu melibatkan tujuh pusat pembelajaran di seluruh negara iaitu di UUM Sintok, UUM Kuala Lumpur, Johor Bahru, Kota Bharu, Melaka, Kota Kinabalu dan Sibu.

Menurutnya, kesemua pelajar itu mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Awam, Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi.

"PACE amat berbesar hati kerana turut menerima kemasukan pelajar baharu pada semester ini yang terdiri selebriti terkenal tanah air iaitu pelakon, Rebecca Nur Al-Islam dan pereka fesyen yang juga pengasas jenama Syafieq Ayman Signature iaitu Mohd Syafiq Suhail serta jurugaya, Fikri Zuakira.

“Saya berharap dengan adanya pelajar ini secara tidak langsung dapat membantu mempromosikan nama PACE UUM ke seluruh negara, seterusnya menarik orang ramai untuk melanjutkan pengajian di UUM,” katanya.

Beliau berkata, PACE juga berharap agar pelajar baharu ini dapat menggunakan peluang pembelajaran diberikan dengan sebaiknya bagi meningkatkan taraf pendidikan dan mencapai tahap kelulusan yang lebih tinggi, seterusnya menjadikan PACE sebagai pusat pendidikan yang berterusan.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.